

Analisis Laporan Akhbar Terhadap Isu-Isu Wanita di Malaysia Pasca Pandemi COVID-19

Analysis of Press Reports on Women's Issues in Malaysia Post-Pandemic COVID-19

Muhammad Adam Abd. Azid¹, Khairulnazrin Nasir², Rahim Kamarul Zaman³ & Abdul Azib Hussain

- ¹ (Corresponding Author) Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Malaysia, e-mail: adamsaifulislam@gmail.com.
- ² Jabatan Usuluddin, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730, Malaysia, e-mail: khairulnazrin19@gmail.com.
- ³ Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Malaysia, e-mail: abdulrahimkz51@gmail.com.
- ⁴ Jabatan Syariah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730, Malaysia, e-mail: azibhussain83@gmail.com.

ABSTRAK

Pandemik *Coronavirus disease* (COVID-19) mula menular di Malaysia sejak Januari 2020. Pertambahan jumlah rakyat yang dijangkiti virus tersebut telah memaksa kerajaan Malaysia untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020. Rentetan daripada pelaksanaan PKP tersebut, kesemua aktiviti utama rakyat Malaysia seperti sosial, pendidikan, ekonomi dan lain-lain lagi telah disekat atau dihadkan. Hal ini telah memberikan implikasi negatif kepada keseluruhan rakyat Malaysia secara umum termasuk kaum wanita secara khusus. Justeru, kajian ini dilakukan untuk meneliti isu-isu berkaitan wanita pasca COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif berdasarkan analisis kandungan. Data-data dikumpul melalui analisis dokumen daripada laporan-laporan akhbar di Malaysia. Lima akhbar berbahasa Melayu telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini iaitu Berita Harian, Sinar Harian, Harian Metro, Utusan Malaysia dan BERNAMA. Data-data diambil daripada laman web rasmi akhbar-akhbar tersebut. Analisis dilakukan dengan memfokuskan kepada lima aspek sahaja iaitu jenayah, kesihatan, ekonomi, kerjaya dan kekeluargaan. Hasil kajian mendapati, pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah membawa implikasi negatif kepada kehidupan kaum wanita. Akhbar telah melaporkan peningkatan isu jenayah terhadap wanita terutama keganasan rumah tangga selain cabaran dalam aspek kesihatan, ekonomi, kerjaya dan kekeluargaan. Kajian mencadangkan kepada kerajaan agar merangka plan khusus bagi memperkasakan semula kaum wanita pasca COVID-19.

Kata Kunci: *Coronavirus*; Pandemi; Isu-Isu Wanita; Malaysia; Laporan Akhbar

ABSTRACT

Pandemic Coronavirus disease (COVID-19) has been spreading in Malaysia since January 2020. The increase in the number of people infected with the virus has forced the Malaysian government to implement the Movement Control Order (MCO) on 18 March 2020. Following the implementation of the PKP, all major activities of Malaysians such as social, educational, economic and others have been blocked or restricted. This has given negative implications for all Malaysians in general, including women as the focus. Thus, this study was conducted to examine the issues related to women post COVID-19 and the implementation of the Movement Control Order (MCO) in Malaysia. This study applied a qualitative method based on content analysis. Data were collected through document analysis from press reports in Malaysia. Five Malay language newspapers were selected as a sample in this study, specifically Berita Harian, Sinar Harian, Harian Metro, Utusan Malaysia and BERNAMA. The data is taken from the official websites of the newspapers. The analysis is done by focusing on only five aspects, that are crime, health, economy, career, and family. The results of the study found COVID-19 pandemic and the implementation of Movement Control Order (MCO) has brought negative implications to the lives of women. Newspapers has reported an increase in criminal issues against women, especially domestic violence, as well as challenges in health, economy, career, and family. The study recommended the government to formulate a particular plan to re-empower women after COVID-19.

Keywords: *Coronavirus; Pandemic; Women's Issues; Malaysia; Press Report*

1. Pendahuluan

COVID-19 adalah sejenis virus baru (novel) yang dikenal pasti. Virus ini adalah daripada jenis *Coronavirus (CoV)* iaitu sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan salur pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti *severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS)* dan *Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MER-CoV)*. Jangkitan virus ini boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (*pneumonia*) yang teruk. *Coronavirus* terbaru yang ditemui di China dinamakan dengan *Coronavirus 2019 (COVID-19)* (Kementerian Kesihatan Malaysia, t.t).

COVID-19 pertama kali dilaporkan di Wuhan, China pada akhir Disember 2019. Pada awalnya, virus ini dikategorikan sebagai epidemik kerana penyebarannya eksklusif di Wuhan dan beberapa negara lain seperti Korea Selatan, Jepun dan Itali (Guo et al, 2020). Namun, COVID-19 telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh WHO pada 11 Mac 2020 disebabkan jangkitan telah merebak ke seluruh benua tanpa tanda-tanda kebolehan kawalan (WHO, 2020). Sehingga 10 April 2021, lebih 134 juta kes positif COVID-19 termasuk hampir 3 juta kematian telah dilaporkan oleh WHO (WHO, 2021).

Selain kematian, penularannya juga telah memberikan implikasi yang besar kepada ekonomi, persekitaran dan sosial secara global (Ibn-Mohammed et al, 2021; The World Bank, 2020; Chakraborty & Maity, 2020)

Malaysia juga tidak terkecuali turut terkesan dengan pandemik COVID-19. Virus ini telah mula merebak di Malaysia sejak Januari 2020 sehingga kerajaan terpaksa melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 bagi mengekang penularannya. Sehingga 10 April 2021, sebanyak 359,117 kes positif COVID-19 dengan 1321 kematian telah dilaporkan di Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021).

Penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP oleh kerajaan telah menjejaskan beberapa sektor utama negara. Antara sektor yang terjejas adalah sektor ekonomi, pendidikan, pelancongan dan lain-lain lagi (Mohd Zaky, 2020). Situasi ini turut memberikan implikasi negatif kepada rakyat Malaysia terutama dalam aspek ekonomi dan sosial (Mohd Hisham, 2020). Hal ini bukan sahaja memberikan kesan dari sudut fizikal, bahkan dari sudut mental rakyat Malaysia (BERNAMA, 2021).

Implikasi negatif tersebut juga turut dialami oleh kaum wanita di Malaysia. Bahkan, kajian yang dilakukan oleh IPSOS menunjukkan bahawa wanita lebih terkesan akibat COVID-19 berbanding lelaki (Isabeele, 2021). Namun, masih kurang kajian-kajian yang dilakukan bagi meneliti isu-isu yang dihadapi oleh wanita Malaysia sepanjang penularan COVID-19 dan pelaksanaan PKP. Justeru, kajian ini signifikan bagi mengetengahkan isu-isu wanita yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar di Malaysia. Akhbar dijadikan sandaran kerana sentiasa melaporkan situasi dan isu semasa berkaitan COVID-19 di Malaysia.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif berdasarkan analisis kandungan. Analisis kandungan ialah satu bentuk analisis terhadap dokumen media cetak dan media elektronik. Contoh media cetak adalah akhbar, majalah, jurnal, buku, kitab, laporan bertulis, minit mesyuarat dan sebagainya. Manakala media elektronik pula seperti filem, drama, rancangan radio, tv, cd dan papan iklan. Kaedah ini diaplikasikan bagi meneliti istilah, perkataan, konsep, tema, frasa atau ayat yang terhadap dalam media tersebut (Alan, 2011). Dalam konteks kajian ini, analisis kandungan dilakukan terhadap media cetak iaitu akhbar.

Manakala data-data dikumpul ini pula melalui analisis dokumen daripada laporan-laporan akhbar di Malaysia. Lima akhbar berbahasa Melayu telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini iaitu Berita Harian, Sinar Harian, Harian Metro, Utusan Malaysia dan BERNAMA. Data-data diambil daripada laman web rasmi akhbar-akhbar tersebut.

3. Wanita dalam Islam

Wanita mempunyai kedudukan yang istimewa di dalam Islam. Kedatangan Islam telah mengangkat martabat dan kedudukan wanita yang sebelumnya terdiskriminasi (Che Zarrina & Joni, 2006). Dalam Islam, kedudukan wanita dan lelaki adalah sama sahaja di sisi Allah SWT, ukuran kelebihan seseorang itu adalah ketaqwaan. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu) (Al-Hujurat 49:13).

Islam juga menetapkan bahawa lelaki dan wanita saling melengkapi antara satu sama lain untuk memikul tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi (Abdullah Alwi, 1996). Selain itu, lelaki juga dipertanggungjawabkan sebagai pelindung kepada kaum wanita. Firman Allah SWT:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Terjemahan: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka (Al-Nisā' 4:34).

Oleh yang demikian, persoalan tentang kebajikan wanita mestilah diberi perhatian oleh umat Islam kerana hal tersebut merupakan tanggungjawab yang telah diperintahkan oleh Allah SWT. Tambahan pula dengan situasi pandemik COVID-19 yang melanda dunia hari ini, maka lebih-lebih lagi perlu lebih cakna kepada kebajikan wanita.

4. Penularan Virus COVID-19 di Malaysia

Lebih kurang sebulan daripada tempoh kes pertama COVID-19 dilaporkan di Wuhan, China, kes positif COVID-19 pertama telah dicatatkan berlaku di Malaysia iaitu pada 25 Januari 2020. Kes tersebut membabitkan para pelancong daripada China yang memasuki Johor melalui Singapura dan telah disahkan positif COVID-19 apabila disaring (Sipalan & Holmes, 2020).

Manakala, kes pertama melibatkan warganegara Malaysia pula telah dicatatkan berlaku pada 4 Februari 2020. Kes tersebut melibatkan seorang lelaki berusia 41 tahun yang berasal daripada Selangor. Beliau mempunyai sejarah perjalanan ke Singapura pada 16 hingga 22 Januari 2020 lalu bagi menghadiri mesyuarat bersama delegasi antarabangsa termasuk China (Luqman Arif, 2020)

Pada awalnya, kes-kes positif COVID-19 masih rendah dan terkawal sehinggalah munculnya kluster terbesar pada Mac 2020. Kluster yang dimaksudkan adalah kluster perhimpunan jemaah tabligh di Sri Petaling, Kuala Lumpur yang diadakan pada 27 Februari hingga 1 Mac 2020. Perhimpunan ini telah menyumbang kepada peningkatan mendadak kes positif COVID-19 di Malaysia dan menjadi pengeksport virus COVID-19 ke seluruh negeri di Malaysia dan negara-negara jiran (Luqman Arif, 2020; Kate, 2020).

Kluster Sri Petaling ini dikategorikan sebagai gelombang kedua jangkitan COVID-19 di Malaysia yang menyebabkan lebih 2000 kes aktif dicatatkan. Peningkatan mendadak kes aktif COVID-19 tersebut telah menyebabkan kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020 bagi mengekang penularan virus tersebut (Anon, 2020)

Manakala, Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah pada September 2020 pula menjadi pencetus kepada gelombang ketiga jangkitan COVID-19 di Malaysia (Mohd Firdaus, 2020). Situasi ini menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semula di seluruh negara kecuali Sarawak mulai 22 Januari hingga 18 Februari 2021 (Daud, 2021). Darurat di seluruh negara juga telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 12 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021 bagi memberikan kuasa darurat kepada kerajaan (Mohd Ridzuan, 2021)

Sehingga 11 April 2021, Malaysia telah mencatatkan sebanyak 360,856 kes positif COVID-19. 343,953 sembuh iaitu 95.3% daripada keseluruhan kes keseluruhan. Kes yang masih aktif pula adalah 15,574 kes di mana 183 pesakit berada di ICU dan 81 daripadanya memerlukan bantuan alat pernafasan. Manakala, 1,329 kematian telah direkodkan setakat ini iaitu 0.37% daripada keseluruhan kes (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021).

5. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dalam usaha mengekang penularan COVID-19. PKP ini dilaksanakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. PKP buat pertama kalinya dilaksanakan mulai jam 12.00 tengah malam, 18 Mac 2020 (Majlis Keselamatan Negara, 2020).

Secara umumnya, beberapa fasa PKP dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia di mana setiap satunya mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) yang berbeza iaitu (Majlis Keselamatan Negara, 2021):

- i. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- ii. Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)
- iii. Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)
- iv. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)

5.1 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 adalah seperti berikut (Jabatan Penerangan Malaysia, 2020):

- i. Larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Untuk menguatkuasakan larangan ini, semua rumah ibadah dan premis perniagaan hendaklah ditutup, kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian. Penangguhan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk Solat Jumaat.
- ii. Sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara. Bagi yang baru pulang dari luar negara, mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela (atau *self quarantine*) selama 14 hari.
- iii. Sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara.
- iv. Penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti
- v. Penutupan semua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara.
- vi. Penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (atau *essential services*) iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan,

minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan.

Majlis Keselamatan Negara, kemudiannya, mengemaskini SOP PKP tersebut dari semasa ke semasa untuk disesuaikan dengan situasi semasa. Setelah dilanjutkan beberapa kali, akhirnya Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi menggantikan PKP bermula 4 Mei 2020 (BERNAMA, 2020). Namun, kesan daripada gelombang ketiga COVID-19 yang berpunca daripada Pilihanraya Negeri Sabah pada September 2020 yang lalu, PKP telah dilaksanakan semula di seluruh negara kecuali Sarawak mulai 22 Januari hingga 18 Februari 2021 dan ditamatkan secara berperingkat bergantung kepada jumlah kes harian bagi setiap negeri (Daud, 2021).

5.2 Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

PKPB telah diumumkan oleh kerajaan bagi membuka semula aktiviti ekonomi di seluruh negara secara terkawal dan berhati-hati. PKPB dilaksanakan bermula 4 Mei 2020 (BERNAMA, 2020). Berikut adalah syarat-syarat PKPB (Majlis Keselamatan Negara, 2020):

- i. Hampir semua sektor dan aktiviti ekonomi dibenarkan beroperasi sambil memperhatikan SOP perniagaan yang merangkumi penjarakan sosial dan mencatat nama dan nombor telefon pelanggan dan tarikh lawatan mereka
- ii. Hampir semua sektor dan aktiviti ekonomi dibenarkan beroperasi sambil memperhatikan Prosedur Operasi Standard (SOP) perniagaan yang merangkumi penjarakan sosial dan mencatat nama dan nombor telefon pelanggan dan tarikh lawatan mereka;
- iii. Aktiviti sukan yang melibatkan perhimpunan besar, sentuhan badan dan risiko jangkitan lain tidak dibenarkan, termasuk semua acara sukan dalaman dan stadium. Kegiatan sukan luar yang tidak melibatkan sentuhan badan dengan kumpulan kecil tanpa penonton dan tidak melebihi 10 orang dibenarkan dengan syarat penjarakan sosial dilakukan;
- iv. Acara sosial, komuniti dan budaya yang melibatkan perhimpunan besar serta semua jenis acara dan perhimpunan rasmi adalah tidak dibenarkan. Aktiviti keagamaan dan semua aktiviti berjemaah atau perhimpunan di rumah ibadat juga tidak dibenarkan;
- v. Perjalanan antara negeri, termasuk tradisi balik kampung sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang tidak dibenarkan

kecuali untuk tujuan kerja dan pulang setelah terkandas di kampung halaman atau di tempat lain.

5.3 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

PKPP dilaksanakan oleh kerajaan bermula 10 Jun 2020 hinggan 31 Disember 2020 bagi menggantikan PKPB. PKPP merupakan fasa pemulihan daripada pelaksanaan PKP dan PKPB. Berikut adalah syarat-syarat PKPP (Muhyiddin Yassin, 2020):

- i. Perjalanan rentas negeri akan dibenarkan kecuali di kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan atau PKPD.
- ii. Hampir semua aktiviti sosial, pendidikan, keagamaan, perniagaan, sektor ekonomi dan sebagainya akan beroperasi semula secara berperingkat dengan pematuhan sepenuhnya kepada SOP.
- iii. Aktiviti komersial yang melibatkan urus niaga jualan dan pemasaran bukan dalam premis perniagaan juga dibenarkan.
- iv. Termasuk dalam senarai yang dibenarkan juga ialah lawatan ke muzium, indoor busking, dobi layan diri, aktiviti perikanan rekreasi termasuk kolam pancing komersial dan penggambaran filem. Mesyuarat dan bengkel juga dibenarkan dengan syarat mematuhi sepenuhnya protokol kesihatan dan mengoptimumkan ruang.
- v. Beberapa jenis sukan dan rekreasi akan dibuka semula dengan pematuhan kepada SOP. Ini termasuk latihan persediaan pasukan permainan sukan, aktiviti sukan yang tidak melibatkan sentuhan badan seperti bowling, badminton, memanah, menembak dan lain-lain. Aktiviti berkumpul di luar seperti kayuhan basikal dan konvoi motosikal juga dibenarkan. Yang masih tidak dibenarkan ialah pertandingan sukan atau permainan yang melibatkan perhimpunan penyokong atau penonton yang ramai seperti di stadium, sukan renang dan kolam renang awam, dan sukan bersentuhan seperti ragbi, gusti, tinju, bolasepak, bola keranjang dan hoki.
- vi. Aktiviti pelancongan domestik akan dibenarkan
- vii. Sambutan Hari Raya Aidiladha dan ibadah korban akan dibenarkan tertakluk kepada SOP pihak berkuasa agama Islam
- viii. Sekolah akan dibuka secara berperingkat dalam tempoh PKPP ini setelah mendapat nasihat daripada Kementerian Kesihatan

5.4 Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)

PKPD dilaksanakan oleh kerajaan apabila mendapati jumlah kes yang tinggi di sesuatu kawasan. Tujuan PKPD dilaksanakan adalah untuk membendung COVID-19 daripada keluar daripada kawasan tersebut dan membolehkan aktiviti pengesanan kes dari rumah ke rumah dilaksanakan. Antara syarat PKPD adalah (Nursyazwani, 2020):

- i. Semua penduduk dan pelawat di dalam kawasan dilarang keluar dari rumah mereka semasa perintah itu.
- ii. Bukan penduduk dan pelawat dari luar kawasan tidak dibenarkan masuk ke kawasan yang tertakluk kepada perintah itu.
- iii. Semua perniagaan ditutup.
- iv. Bekalan makanan yang mencukupi akan diberikan oleh pihak berkuasa semasa 14 hari untuk semua penduduk.
- v. Pangkalan perubatan akan ditubuhkan di kawasan itu.
- vi. Semua jalan ke kawasan itu disekat.

6. Isu-Isu Wanita dalam Laporan-Laporan Akhbar Pasca Pandemik COVID-19 di Malaysia

Sejak penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP di Malaysia, akhbar merupakan media yang berperanan penting dalam melaporkan situasi semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Cabaran dan kepayahan yang dihadapi oleh rakyat juga turut dilaporkan termasuk isu-isu yang berkaitan dengan wanita. Berdasarkan penelitian terhadap 5 akhbar yang dijadikan sampel kajian (Berita Harian, BERNAMA, Harian Metro, Sinar Harian & Utusan Malaysia), berikut adalah aspek-aspek isu-isu wanita yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tersebut:

Rajah 1: Aspek-Aspek Isu-Isu Wanita Pasca COVID-19 dalam Laporan Akhbar



Sumber: Analisis Pengkaji (2021)

6.1 Jenayah

Isu jenayah terhadap wanita merupakan antara isu yang sering mendapat perhatian pihak akhbar sepanjang penularan COVID-19 dan pelaksanaan PKP di Malaysia. Terdapat 3 kes jenayah terhadap wanita yang dilaporkan meningkat sepanjang tempoh tersebut iaitu:

- i. Keganasan rumah tangga
- ii. Gangguan seksual
- iii. Penderaan ibu bapa

i. *Keganasan Rumah Tangga*

Isu keganasan rumah menjadi perhatian akhbar pasca COVID-19 lantaran peningkatan mendadak kes tersebut sejak pelaksanaan PKP 18 Mac 2020 yang lalu. Peningkatan tersebut diketahui melalui statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), PDRM, JAKIM dan Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) (BERNAMA, 2020).

Berita Harian yang memetik kenyataan daripada Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) berkata, kes keganasan rumah tangga meningkat dengan ketara sepanjang pelaksanaan PKP sejak tahun lalu (Siti Haliza, 2021). Sebelum ini, WAO telah melaporkan peningkatan sebanyak 14% panggilan dan aduan berhubung kes keganasan rumah tangga membabitkan wanita (Mahani, 2020). Ketua Kempen WAO, Tan Heang-Lee berkata, antara aduan

keganasan rumah tangga yang diterima ialah kes seorang isteri dikurung, dipukul dan dicekik pasangan sepanjang PKP selain kes lain seperti penderaan seksual atau isteri 'dirogol' suami sendiri (BERNAMA, 2020).

Dalam pada itu, menurut PDRM, sepanjang pelaksanaan PKP, PKPB dan PKPP bermula 18 Mac sehingga 31 Oktober 2020, sebanyak 3080 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan kepada mereka (Ahmad Ismadi, 2020; Muhaamad Hafiz, 2020). Terdapat pelbagai punca keganasan rumah tangga tersebut seperti cemburu, perselisihan faham, masalah duit dan suami penagih dadah (Ahmad Ismadi, 2020; Muhaamad Hafiz, 2020). Bahkan kes keganasan rumah tangga tersebut turut membawa kepada pembunuhan isteri (Mohamad Faizal, 2021; Nurul Hidayah, 2020).

Menurut Penolong Pengarah, Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11), Bukit Aman, Superintendan Siti Kamsiah Hassan, sebanyak 526 kertas siasatan telah dibuka oleh pihak PDRM sepanjang 44 hari PKP bermula 18 Mac hingga 30 April 2020. Kebanyakannya membabitkan ugutan jenayah (Seksyen 506 Kanun Keseksaan), mendatangkan cedera tanpa senjata (Seksyen 323KK) dan kes lain seperti mendatangkan cedera parah dan khianat (BERNAMA, 2020).

Kes keganasan rumah tangga juga dilaporkan meningkat di beberapa negeri di Malaysia. Antaranya, Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat menyatakan kes keganasan rumah tangga bertambah kepada 523 kes pada tahun 2020 berbanding 529 kes pada tahun 2019 (Siti Fatimah, 2021; Syaherah, 2021). Manakala, sebanyak 49 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan di Perak dalam tempoh 1 bulan lebih PKP dilaksanakan (BERNAMA, 2020). Selain itu, peningkatan mendadak kes keganasan rumah tangga juga turut dilaporkan di Selangor sepanjang pelaksanaan PKP dan PKPB tahun lalu (Muhammad Aminnuraliff, 2020)

ii. Gangguan Seksual

Pelaksanaan PKP juga menyebabkan kes gangguan seksual terutama terhadap wanita menjadi semakin serius. Harian Metro melaporkan kenyataan daripada Pertubuhan Pemerksaan Keluarga (Fame) bahawa 24 aduan gangguan seksual diterima dalam tempoh sebulan yang disifatkan sebagai jumlah yang luar biasa. Gangguan seksual bukan sahaja berlaku dalam bentuk fizikal, termasuk juga di atas talian (Yusmizal, 2021). Menurut Timbalan Presiden Pertubuhan Pemerksaan Keluarga (Fame), Fadhlina Sidek, jumlah aduan itu membimbangkan kerana mungkin lebih ramai yang menjadi mangsa, tetapi malu untuk berkongsi dan membuat aduan kepada pihak berwajib (Yusmizal, 2021)

Sinar Harian dan Berita Harian turut melaporkan kes gangguan seksual meningkat di Kelantan. Menurut Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat,

kes gangguan seksual pada tahun 2020 meningkat kepada 184 kes berbanding hanya 164 kes pada tahun 2019 (Siti Fatimah, 2021; Syaherah, 2021)

iii. Penderaan Ibu bapa

Keterbatasan pergerakan ketika pelaksanaan PKP juga turut menyumbang kepada peningkatan kes penderaan terhadap ibu bapa. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh PDRM, kes penderaan anak terhadap ibu bapa mencatatkan peningkatan sehingga 20 peratus berbanding sebelum ini. Kebanyakan kes melibatkan anak yang menganggur yang mengalami masalah kewangan dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah (Siti Kamsiah, 2020)

6.2 Kesihatan

Pandemik COVID-19 turut menimbulkan isu berkaitan kesihatan wanita. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melaporkan krisis COVID-19 mengancam kesihatan dan kesejahteraan wanita dan kanak-kanak yang mungkin mengakibatkan perkembangannya sejak sedekad yang lalu terhenti. Pada setiap jam, 33 wanita tidak dapat diselamatkan ketika melahirkan anak (Anon, 2020)

Berita Harian telah melaporkan kenyataan daripada Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) bahawa wanita mengandung yang dijangkiti COVID-19 berisiko berdepan komplikasi serius selain berisiko tinggi melahirkan bayi pramatang. Mereka juga turut berisiko mengalami keguguran (AGENSI, 2020).

Bagi ibu menyusu yang dijangkiti COVID-19 pula, WHO menyarankan agar meneruskan proses penyusuan dan tidak diasingkan daripada bayi mereka. Hal ini kerana, manfaat daripada susu ibu terhadap bayi adalah melebihi risiko tersebaranya jangkitan wabak berkenaan. Selain itu, WHO juga tidak mendapati virus COVID-19 dalam susu ibu (AFP, 2020).

Turut dilaporkan juga tentang suntikan vaksin COVID-19 kepada ibu mengandung atau menyusukan anak sama ada memberi kesan buruk kepada ibu mengandung tersebut serta kandungan atau anak susuannya. Hal ini kerana, ujian klinikal vaksin sebelum ini tidak melibatkan wanita hamil atau sedang menyusukan. Justeru, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menyarankan golongan tersebut untuk menangguhkan suntikan vaksin COVID-19 sehingga dipastikan keselamatannya di samping turut mengambil nasihat pakar (BERNAMA, 2021). Selain itu, Menteri Kesihatan, Dr Adham Baba menyatakan pemberian vaksin COVID-19 boleh dipertimbangkan jika faedahnya melebihi risiko (BERNAMA, 2021)

Manakala turut dilaporkan berkaitan isu kesihatan mental yang dihadapi oleh wanita akibat penularan COVID-19 dan pelaksanaan PKP. Utusan Malaysia melaporkan, sekatan pergerakan dan aktiviti hidup seharian

menyebabkan anggota masyarakat termasuk wanita mengalami panik, bimbang, cemas dan stres (Nor Afzan, 2020). Maka, tidak hairanlah terdapat kes-kes wanita kemurungan dan cuba membunuh diri (Siti Rohana, 2021; Hazri, 2020; Juwan, 2020).

6.3 Ekonomi

Implikasi yang besar dari sudut ekonomi juga turut dialami oleh wanita pasca COVID-19 dan pelaksanaan PKP di Malaysia. Antaranya, kekangan kewangan akibat pengangguran, kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan. Kajian daripada Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) dan Dana Populasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFPA) mendapati kadar pengangguran dalam kalangan ketua isi rumah meningkat dua kali ganda kepada 15 peratus berbanding tiga bulan sebelumnya (Muhammad Zulkarnain, 2021).

Manakala tahap pendapatan dalam kalangan isi rumah yang diketuai oleh wanita (ibu tunggal) adalah 24 peratus lebih rendah berbanding akhir tahun 2019. Pengurangan pendapatan yang dialami oleh sebilangan besar responden mengakibatkan kemiskinan berterusan dalam kumpulan tersebut (Muhammad Zulkarnain, 2021). Akibatnya pelbagai masalah yang terpaksa dihadapi oleh ibu tunggal seperti tidak mampu membayar sewa rumah sehingga dihalau keluar dari rumah sewanya sebagaimana kes yang berlaku di Georgetown, Pulau Pinang (Anon, 2021).

Kekangan kewangan menyebabkan wanita terutama ibu tunggal terpaksa mencari alternatif lain bagi menyara diri dan keluarga. Berita Harian dalam laporannya telah menyiarkan kisah seorang ibu tunggal terpaksa menjual tempe bagi menyara keluarga setelah kehilangan pekerjaan akibat COVID-19 (Omar, 2021). Terdapat juga sesetengah daripada wanita yang menceburi bidang berisiko tinggi iaitu sebagai '*rider*' penghantar makanan demi kelangsungan hidup (Mahaizura & Murnaena, 2021).

6.4 Kerjaya

Sepanjang pelaksanaan PKP, kaedah bekerja dari rumah menjadi pilihan majikan untuk dilaksanakan. Hal ini bagi memastikan tanggungjawab sebagai pekerja dapat diselesaikan walaupun berada di rumah. Namun bagi sebahagian wanita yang berumah tangga, terdapat beberapa isu yang dihadapi terutamanya adalah bebanan berganda. Bekerja dari rumah memerlukan wanita untuk mengimbangi antara tuntutan kerja dengan pengurusan rumah tangga pada satu-satu masa (Maisarah, 2021). Bebanan dirasai oleh wanita apabila perlu mengurus rumah tangga seperti biasa, seolah-olah bercuti sedangkan pada hakikatnya mereka bekerja (Nor Afzan, 2020).

Bekerja dari rumah juga memberi cabaran kepada wanita untuk mengekalkan prestasi kerja mereka sebagaimana di pejabat. Hal ini kerana, tumpuan mereka terhadap kerja sedikit terganggu apabila turut perlu melakukan tugas rumah tangga selain ketiadaan ruang kerja di rumah yang khusus untuk mereka (Nor Afzan, 2020).

Selain itu, bagi wanita yang dibenarkan untuk pergi ke pejabat pula, mereka menghadapi masalah untuk meninggalkan anak-anak mereka. Hal ini disebabkan kekurangan pusat asuhan atau taska yang beroperasi dalam tempoh PKP (Muhamaad Razis, 2021).

6.5 Kekeluargaan

COVID-19 dan PKP juga turut memberi cabaran kepada wanita yang berkeluarga bagi menguruskan serta mempertahankan rumah tangga. Isu kewangan menjadi cabaran utama yang dihadapi oleh keluarga berpendapatan rendah terutama mereka yang tinggal di bandar. Kajian oleh Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) dan Dana Populasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFPA) pada Disember 2020 lalu, mendapati separuh isi rumah menunjukkan kemerosotan sosio-ekonomi. Kadar pengangguran dalam kalangan ketua isi rumah juga meningkat dua kali ganda kepada 15 peratus berbanding tiga bulan sebelumnya dan satu daripada tiga orang dewasa dalam isi rumah yang terlibat masih menganggur (Muhammad Zulkarnain, 2021).

Isu kewangan tersebut juga turut menjadi penyumbang utama kepada peningkatan luar biasa kes-kes perceraian di Malaysia sejak PKP dilaksanakan. Tekanan berlaku apabila ramai suami diberhentikan kerja dan hilang punca pendapatan akibat COVID-19 dan seterusnya menyebabkan berlaku pertengkaran antara pasangan (Mohd Hafiz, 2020). Negeri Johor sahaja mencatatkan sebanyak 2,652 kes perceraian sejak PKP (Mohamed Farid, 2020).

7. Kesimpulan

Pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP ternyata memberikan implikasi negatif kepada golongan wanita di Malaysia. Akhbar telah melaporkan berlakunya peningkatan jenayah terhadap wanita seperti keganasan rumah tangga, gangguan seksual dan penderaan ibu bapa. Wanita juga menghadapi risiko kesihatan terutama wanita yang mengandung.

Selain itu, implikasi yang besar dari sudut ekonomi juga turut dialami oleh wanita terutama ibu tunggal akibat pengangguran, kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan. Manakala bagi wanita bekerjaya pula, mereka menghadapi cabaran untuk mengimbangi antara tuntutan kerja dengan pengurusan rumah tangga pada satu-satu masa apabila bekerja dari rumah.

COVID-19 dan PKP juga turut memberi cabaran kepada wanita yang berkeluarga bagi menguruskan serta mempertahankan rumah tangga. Isu kewangan menjadi cabaran utama yang dihadapi oleh keluarga berpendapatan rendah terutama mereka yang tinggal di bandar

Isu-isu wanita yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar menunjukkan perhatian khusus perlu diberikan oleh kerajaan dan pihak bertanggungjawab untuk memperkasakan semula wanita di Malaysia. Pelan tindakan khusus perlu dirangka oleh bagi menangani isu-isu yang dihadapi oleh wanita pasca pandemik COVID-19. Antaranya inisiatif-inisiatif khas bagi memulihkan semula situasi ekonomi wanita. Bantuan dari sudut bimbingan dan pengurusan psikologi juga perlu disediakan kepada wanita.

Manakala dari aspek perundangan pula, tindakan yang lebih tegas dan efektif perlu diambil oleh pihak berkuasa bagi memastikan kes-kes jenayah terhadap wanita berkurangan. Selain itu, isu-isu yang dihadapi oleh wanita hari ini menunjukkan keperluan kepada wanita untuk mempunyai kemahiran yang pelbagai. Hal ini sebagai persiapan bagi mereka untuk mengharungi keadaan getir seperti COVID-19.

Penghargaan

Kajian mengenai Analisis Laporan Akhbar Terhadap Isu-Isu Wanita Pasca Pandemik COVID-19 di bawah Geran Penyelidikan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) bertajuk Analisis Hadith-Hadith Pemerkasaan Wanita Menurut Perspektif al-Hadith dan Konteks Semasa (KIAS/40106/KRG20/004).

Rujukan

- AFP. (2020). WHO Nasihati Ibu Positif COVID-19 Teruskan Penyusuan. *Berita Harian Online*, 13 Jun 2020. <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/06/699807/who-nasihati-ibu-positif-COVID-19-teruskan-penyusuan>. Dicapai pada: 19 April 2021
- AGENSI. (2020). Wanita Hamil Dijangkiti COVID-19 lebih Berisiko Berdepan Komplikasi Serius. *Berita Harian Online*, 18 September 2020. <https://www.bharian.com.my/dunia/lain-lain/2020/09/732818/wanita-hamil-dijangkiti-COVID-19-lebih-berisiko-berdepan-komplikasi>. Dicapai pada: 19 April 2021.
- Ahmad Ismadi Ismail. (2020). 3,080 Kes Keganasan Rumah Tangga Dilapor Sepanjang Tempoh PKP, PKPB. *Sinar Harian*, 16 November 2020. <https://www.sinarharian.com.my/article/110437/KHAS/COVID-19/3080-kes-keganasan-rumah-tangga-dilapor-sepanjang-tempoh-PKP-PKPB>. Dicapai pada: 13 April 2021.
- Alan, B. (2011). *Business research methods*. Bell, Emma, 1968- (3rd ed.). Cambridge: Oxford University Press
- Anon. (2020). COVID-19: Kerajaan Umum Perintah Kawalan Pergerakan Mulai Rabu. *Berita Harian Online*, 16 Mac 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665949/COVID-19-kerajaan-umum-perintah-kawalan-pergerakan-mulai-rabu>. Dicapai pada: 12 April 2021.
- Anon. (2020). Konflik dan COVID-19 Risikokan Kesihatan Wanita, Kanak-Kanak. *BERNAMA*, 26 September 2020. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1883327>. Dicapai pada: 20 April 2021.
- Anon. (2021). MP Bantu Ibu Anak 10 Kena Halau Rumah Sewa. *Sinar Harian*, 7 April 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/131940/EDISI/MP-bantu-ibu-anak-10-kena-halau-rumah-sewa>. Dicapai pada: 21 April 2021.
- BERNAMA. (2020). Kisah Duka Wanita di Sebalik PKP. *Harian Metro*, 20 Mei 2020. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/580572/kisah-duka-wanita-di-sebalik-pkp>. Dicapai pada: 13 April 2021.
- BERNAMA. (2020). Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat akan Dilaksana-Muhyiddin. *BERNAMA*, 1 Mei 2020. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1837419>. Dicapai pada: 12 April 2021.
- BERNAMA. (2020). PKP: Perak Catat 49 Kes Keganasan Rumah Tangga. *Berita Harian Online*, 28 April 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/04/682725/pkp-perak-catat-49-kes-keganasan-rumah-tangga>. Dicapai pada: 13 April 2021.
- BERNAMA. (2021). Vaksin COVID-19: Ibu Mengandung Patut Dapat Nasihat Pakar. *Berita Harian Online*, 26 Februari 2021. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/790296/vaksin-COVID-19-ibu-mengandung-patut-dapat-nasihat-pakar>. Dicapai pada: 20 April 2021.
- BERNAMA. (2021). Vaksin COVID-19: Wanita Mengandung Perlu Nasihat Doktor. *Harian Metro*, 1 Mac 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/126326/KHAS/COVID-19/Vaksin-COVID-19-Wanita-hamil-perlu-dapatkan-nasihat-doktor>. Dicapai pada: 20 April 2021.
- BERNAMA. (2021). Bersedia Hadapi Masalah Kesihatan Mental Akibat COVID-19-WHO. *Berita Harian Online*, 6 Mac 2021. <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2021/03/793275/bersedia-hadapi-masalah-kesihatan-mental-akibat-COVID-19-who>. Dicapai pada: 11 April 2021.

- Chakraborty, I. & Maity, P. (2020). COVID-19 Outbreak: Migration, Effect on Society, Global Environment and Prevention. *Science of The Total Environment* 728: 1-7. doi: 10.1016/j.scitotenv.2020.138882
- Che Zarrina Sa'ari & Joni Tamkin Borhan. (2006). Peranan Wanita dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam. *Jurnal Usuluddin* 23-24: 35-50. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4239/2085>
- Daud Ridaudin. (2021). PKP di Seluruh Negara kecuali Sarawak bermula 22 Januari – Ismail Sabri. *Astro Awani*, 19 Januari 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-di-seluruh-negara-kecuali-sarawak-bermula-22-januari-ismail-sabri-278646>. Dicapai pada: 12 April 2021.
- Guo, YR., Cao, QD., Hong, ZS. et al. (2020). The Origin, Transmission and Clinical Therapies on Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Outbreak - An Update on the Status. *Military Medical Research* 7(11): 1-10. doi:10.1186/s40779-020-00240-0
- Hazri A Bakar. (2020). Anggota Polis Bantu Wanita Kemurungan. *Harian Metro*, 12 April 2020. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/565772/anggota-polis-bantu-wanita-kemurungan>. Dicapai pada: 21 April 2021.
- Ibn-Mohammed, K.B. Mustapha, J. Godsell, Z. Adamu, K.A. Babatunde, D.D. Akintade, A. Acquaye, H. Fujii, M.M. Ndiaye, F.A. (2021). A Critical Analysis of the Impacts of COVID-19 on the Global Economy and Ecosystems and Opportunities for Circular Economy Strategies. *Resources, Conservation & Recycling* 164: 1-22. doi: 10.1016/j.resconrec.2020.105169
- Isabelle Leong. (2021). Wanita Lebih Terkesan Akibat COVID-19: Ini Fokus Kajian Impak Pandemik IPSOS. *Astro Awani*, 21 Januari 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-lebih-terkesan-akibat-covid19-ini-fokus-kajian-impak-pandemik-ipsos-279067>. Dicapai pada 11 April 2021.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2020). Perintah Kawalan Pergerakan 18 Mac sehingga 31 Mac 2020. Laman Web Rasmi Jabatan Penerangan Malaysia. Dicapai pada 12 April 2021. <https://www.penerangan.gov.my/japenv2/index.php/2020/03/18/perintah-kawalan-pergerakan-18-mac-sehingga-31-mac-2020/>
- Juwan Riduan. (2020). Pesakit COVID-19 Maut Terjun Tingkat 8 Hospital. *Harian Metro*, 22 Oktober 2020. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/10/633384/pesakit-COVID-19-maut-terjun-tingkat-8-hospital>. Dicapai pada: 21 April 2021.
- Kate, N. (2020). Coronavirus Malaysia Cases Rise by 190 after Mosque Event as Imams Urge Online Services. *The Independent*, 16 Mac 2020. <https://www.independent.co.uk/news/world/asia/coronavirus-malaysia-cases-southeast-asia-mosque-islam-a9403816.html>. Dicapai pada: 12 April 2021
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). Situasi Semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia. Portal Rasmi COVID-19 Malaysia Kementerian Kesihatan Malaysia. Dicapai pada 11 April 2021. <http://COVID-19.moh.gov.my/>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (t.t). Soalan Lazim Penyakit Coronavirus (COVID-19). Portal Rasmi MyHealth. Dicapai pada 11 April 2021. <http://www.myhealth.gov.my/wp-content/uploads/FAQ-COVID-19.pdf>
- Luqman Arif Abdul Karim. (2020). 190 Kes Baharu COVID-19, Majoriti Punca Ijtimak Tabligh. *Berita Harian Online*, 15 Mac 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665578/190-kes-baharu-COVID-19-majoriti-punca-ijtimak-tabligh>. Dicapai pada: 12 April 2021
- Luqman Arif Abdul Karim. (2020). Kes Pertama 2019-nCov Babitkan Rakyat Malaysia. *Berita Harian Online*, 4 Februari 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/652501/kes-pertama-2019-ncov-babitkan-rakyat-malaysia>. Dicapai pada: 12 April 2021
- Mahaizura Abd Malik & Murnaena Muhammad Nasir. (2021). Kisah Suka Duka 'Rider' Wanita. *Harian Metro*, 10 Februari 2021.

- <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/02/673158/kisah-suka-duka-rider-wanita>.
Dicapai pada: 21 April 2021.
- Mahani Ishak. (2020). Aduan Keganasan Rumah Tangga Meningkatkan. *Berita Harian Online*, 10 April 2020. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2020/04/675315/aduan-keganasan-rumah-tangga-meningkat>. Dicapai pada: 13 April 2021.
- Maisarah Sheikh Rahim. (2021). Ramai Wanita Bekerjaya Hadapi Beban Berganda – PM. *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2021. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/ramai-wanita-bekerjaya-hadapi-beban-berganda-pm/>. Dicapai pada: 21 April 2021.
- Majlis Keselamatan Negara. (2020). Kenyataan Media MKN: Perincian Perintah Kawalan Pergerakan. Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Dicapai pada 12 April 2021. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/kenyataan-media-mkn-18-mac-2020/>
- Mohamad Faizal Hashim. (2021). Tembak mati isteri sedang tidur guna senapang angin. *Utusan Malaysia*, 5 Mac 2021. <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/03/tembak-mati-isteri-sedang-tidur-guna-senapang-angin/>. Dicapai pada: 13 April 2021.
- Mohamed Farid Noh. (2021). Johor Catat 2,625 Kes Perceraian Sejak PKP. *Harian Metro*, 3 Disember 2020. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/12/648992/johor-catat-2625-kes-perceraian-sejak-ppk>. Dicapai pada: 21 April 2021.
- Mohammad Hafizuddin Abdul Mukti. (2021). Sugar Baby ‘Manis’ yang Tragis. *Sinar Harian*, 23 Februari 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/125240/KHAS/Pendapat/Sugar-baby-manis-yang-tragis>. Dicapai pada: 21 April 2021.
- Mohd Firdaus. (2020). COVID-19: PRN Sabah Sumbang Penularan Gelombang Ketiga. *Harian Metro*, 18 Oktober 2020. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/10/632093/COVID-19-prn-sabah-sumbang-penularan-gelombang-ketiga-metrotv>. Dicapai pada: 12 April 2021
- Mohd Hafiz Ismail. (2020). Kes Perceraian di Malaysia Rekodkan Peningkatan Luar Biasa. *Sinar Harian*, 29 Disember 2020. <https://www.sinarharian.com.my/article/116749/BERITA/Nasional/Kes-perceraian-di-Malaysia-rekodkan-peningkatan-luar-biasa>. Dicapai pada: 21 April 2021
- Mohd Hisham Mohd Sharif. (2020). Perhalusi Segala Impak Sosial, Ekonomi Dicituskan Pandemik. *Berita Harian Online*, 22 Oktober 2020. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/10/744777/perhalusi-segala-impak-sosial-ekonomi-dicituskan-pandemik>. Dicapai pada: 11 April 2021
- Mohd Ridzuan Abu Hassan. (2021). Agong Perkenan Isytihar Darurat sehingga 1 Ogos. *Sinar Harian*, 12 Januari 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/118625/BERITA/Nasional/Agong-perkenan-isytihar-darurat-sehingga-1-Ogos>. Dicapai pada: 12 April 2021.
- Mohd Zaky Zainuddin. (2020). COVID-19: Kerajaan Analisis Kesan ke atas Sektor Terjejas. *Berita Harian Online*, 2 Jun 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/695534/COVID-19-kerajaan-analisis-kesan-ke-atas-sektor-terjejas>. Dicapai pada: 11 April 2021.
- Muhaamad Hafis Nawawi. (2020). PKP: 353 Kes Keganasan Rumah Tangga Dilaporkan. *Harian Metro*, 17 April 2020. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/567642/pkp-353-kes-keganasan-rumah-tangga-dilaporkan>. Dicapai pada: 13 April 2021.
- Muhamad Razis Ismail. (2021). Cabaran Bergerak Ketika Pandemik. *Harian Metro*, 1 Februari 2021. <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/02/669969/cabaran-bergerak-ketika-pandemik>. Dicapai pada: 21 April 2021
- Muhammad Aminnuraliff. (2020). Kes Keganasan Rumah Tangga Meningkatkan Sejak PKP. *Sinar Harian*, 9 November 2020.

- <https://www.sinarharian.com.my/article/109332/EDISI/Selangor-KL/Kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-sejak-PPK>. Dicapai pada: 13 April 2021.
- Muhammad Zulkarnain. (2021). Keluarga Berpendapatan Rendah di Kuala Lumpur Terkesan Akibat PPK 2.0. *Sinar Harian*, 8 Februari 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/122996/BERITA/Nasional/Keluarga-berpendapatan-rendah-di-Kuala-Lumpur-terkesan-akibat-PPK-20>. Dicapai pada: 21 April 2021
- Muhyiddin Yassin. (2020). Teks Ucapan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Dicapai pada 13 April 2021. <https://www.pmo.gov.my/2020/06/teks-ucapan-pelaksanaan-perintah-kawalan-pergerakan-pemulihan-pkpp/>
- Nor Afzan Mohamad Yusof. (2020). Pandemik Beri Impak kepada Wanita. *Utusan Malaysia*, 16 Oktober 2020. <https://www.utusan.com.my/gaya/2020/10/pandemik-beri-impak-kepada-wanita/>. Dicapai pada: 21 April 2021
- Nursyawani Saiful Sham. (2020). COVID-19: PKPD Dikuat Kuasa di Dua Kawasan di Simpang Renggam. *Astro Awani*, 26 Mac 2020. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pkpd-dikuat-kuasa-di-dua-kawasan-di-simpang-renggam-235454>. Dicapai pada: 13 April 2021
- Nurul Hidayah Bahaudin. (2020). Tikam Isteri, Bapa Mentua Sebelum Bunuh Diri. *Harian Metro*, 30 April 2020. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/04/572978/tikam-isteri-bapa-mentua-sebelum-bunuh-diri>. Dicapai pada: 13 April 2021
- Omar Ahmad. (2021). Ibu Tunggal Jual Tempe Sara 8 Anak. *Berita Harian Online*, 23 Februari 2021. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2021/02/789180/ibu-tunggal-jual-tempe-sara-8-anak>. Dicapai pada: 21 April 2021.
- Sipalan, J. & Holmes, S. (2020). Malaysia Confirms First Cases of Coronavirus Infection. *Reuters*, 25 Januari 2020. <https://www.reuters.com/article/china-health-malaysia/malaysia-confirms-first-cases-of-coronavirus-infection-idUSL4N29U03A>. Dicapai pada: 12 April 2021.
- Siti Fatimah Awang. (2021). Kes gangguan seksual, keganasan rumah tangga meningkat di Kelantan. *Sinar Harian*, 26 Januari 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/121038/EDISI/Kes-gangguan-seksual-keganasan-rumah-tangga-meningkat-di-Kelantan>. Dicapai pada: 13 April 2021.
- Siti Haliza Yusop. (2021). Isu Keganasan Rumah Tangga Meningkatkan Ketika PPK. *Berita Harian Online*, 26 Januari 2021. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2021/01/779957/isu-keganasan-rumah-tangga-meningkat-ketika-ppk>. Dicapai pada: 13 April 2021
- Siti Kamsiah Hassan. (2020). Kes Dera Ibu bapa naik 20% musim PPK. *Utusan Malaysia*, 23 Julai 2020. <https://www.utusan.com.my/nasional/2020/07/kes-dera-ibu-bapa-naik-20-musim-ppk/>. Dicapai pada: 14 April 2020
- Siti Rohana Idris. (2021). Wanita Kemurungan Terjun Sungai Kelantan. *Harian Metro*, 17 Mac 2021. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/684924/wanita-kemurungan-terjun-sungai-kelantan>. Dicapai pada: 21 April 2021
- Syaherah Mustafa. (2021). COVID-19: Kes Gangguan Seksual, Keganasan Rumah Tangga Meningkatkan di Kelantan. *Berita Harian Online*, 26 Januari 2021. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/01/780169/COVID-19-kes-gangguan-seksual-keganasan-rumah-tangga-meningkat-di-kelantan>. Dicapai pada: 13 April 2021
- Syahidatul Akmal Dunya. (2021). Cari ‘Sugar Daddy Melalui ‘Sugarbook’. *Sinar Harian*, 11 Februari 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/123489/BERITA/Nasional/Cari-sugar-daddy-melalui-Sugarbook>. Dicapai pada: 21 April 2021

- The World Bank. (2020). The Global Economic Outlook During the COVID-19 Pandemic: A Change World. Website The World Bank. Retrieved on 11th April 2021. <https://www.worldbank.org/en/news/feature/2020/06/08/the-global-economic-outlook-during-the-COVID-19-pandemic-a-changed-world>
- WHO. (2020). WHO Director-General's Opening Remarks at the Media Briefing on COVID-19 11 March 2020. Website World Health Organization. Retrieved on 11th April 2021. <https://www.who.int/dg/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-COVID-19---11-march-2020>
- WHO. (2021). WHO Coronavirus (COVID-19) Dashboard. Website World Health Organization. Retrieved on 11th April 2021. <https://covid19.who.int/>
- Yusmizal Dolah Aling. (2021). Gangguan Seksual Fizikal, dalam Talian Semakin Serius. *Harian Metro*, 8 Februari 2021. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/672492/gangguan-seksual-fizikal-dalam-talian-semakin-serius>. Dicapai pada: 14 April 2021